



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Perspektif

KERAKUSAN MANUSIA, FLORA DAN FAUNA TERGADAI

Oleh

Norazlin Abd Aziz, Nor Syamaliah Ngah dan
Azila Ayob
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus
Seremban, 73000 Kuala Pilah, Negeri
Sembilan

norazlin525@uitm.edu.my

EDITOR: DR. AIDA SYAFINAZ MOKHTAR

“Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).” (Surah ar-Rum, ayat 41)

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian bio atau mega-diversiti. Biodiversiti adalah satu konsep yang mana organisma hidup berinteraksi yang merangkumi kesemua elemen kehidupan seperti kompleks ekologi, hidupan darat, sistem akuatik, dan juga diversiti antara spesies dan ekosistem. Kepelbagaian tersebut dapat dilihat melalui kekayaan flora dan fauna yang masih wujud di negara kita pada hari ini.

Terdapat lebih kurang 12,500 spesies tumbuh-tumbuhan berbunga dan lebih daripada 1,100 spesies paku-pakis yang masih lagi menghiasi hutan di negara kita. Manakala bagi spesies fauna, negara kita mempunyai kira-kira 1,500 haiwan vertebrata dan 150,000 haiwan invertebrata.

Biodiversiti merupakan satu keadaan yang perlu dikekalkan bagi memastikan kemampuan setiap spesies berinteraksi dalam satu sistem rantaian yang saling bergantung antara satu sama lain. Namun, agak malang untuk negara apabila sejak akhir-akhir ini kita sering mendengar banyak binatang di negara kita diancam oleh kepupusan walaupun pelbagai kempen telah giat dijalankan. Isu ini seolah-olah tidak pernah berkesudahan. Menurut The World Conservation Union, (IUCN), terdapat lebih kurang 14% haiwan mamalia di Malaysia telah diancam oleh kepupusan. Pada tahun 2019, Malaysia digemparkan dengan isu yang menyedihkan apabila tiga ekor badak sumbu Sumatera terakhir yang dikenali sebagai Tam, Puntung dan Iman telah mati lantas menjadikan badak sumbu Sumatera kini lenyap selamanya dan seterusnya menjadi tamparan hebat kepada pemuliharaan hidupan liar. Berikutan kematian spesies badak Sumatera ini, berlaku perubahan besar kepada ekosistem hidupan liar di muka bumi lantas mengundang lebih banyak kepupusan membabitkan haiwan liar yang lain. Walau bagaimanapun, peristiwa sedih ini telah membuka mata pelbagai pihak dalam kalangan belia terutamanya tentang pentingnya memelihara alam sekitar, flora dan fauna.

Kepelbagaian ini terancam akibat pemburuan berlebihan, kehilangan habitat, perubahan iklim dan pencemaran. Realitinya, proses peningkatan ekonomi setempat yang melalui proses urbanisasi turut menyumbang kepada kehilangan habitat haiwan dan seterusnya memberi kesan kepada kepupusan haiwan. Justeru, banyak spesies berada di ambang kepupusan, termasuk tapir Malaysia, badak sumbu Sumatera, dan harimau keruh Borneo.

Sekiranya situasi ini dibiarkan berterusan, ia akan memberi kesan kepada bukan sahaja kepada ekosistem, bahkan berpotensi mengakibatkan penyakit kepada manusia dan tumbuh-tumbuhan sekeliling. Sebagai contoh, haiwan liar yang mati di dalam hutan dan ditinggalkan begitu akan menyebabkan virus dan bakteria membiak dan menyebabkan tumbuhan turut terkesan. Haiwan juga mempunyai penyakit tersendiri dan apabila menjangkiti manusia, kemungkinan akan menjadi terlalu sukar untuk ditangani.

Salah satu usaha yang boleh dilakukan bagi memulihara spesies fauna yang semakin pupus ini adalah melalui sistem pendidikan alam semula jadi. Belia hari ini perlu diterapkan ke dalam naratif pemuliharaan bagi memberi pendidikan tentang prinsip pemuliharaan dalam kalangan belia. Belia merupakan golongan yang akan menjadi pewaris pemimpin negara. Oleh itu mereka perlu diberi pendidikan supaya aspirasi negara dapat dicapai di masa hadapan. Penglibatan mereka dalam program kesukarelawanan merupakan satu kaedah pendidikan yang boleh memberi pengetahuan sekaligus pengalaman dalam memulihara alam sekitar. Selain itu, aktiviti ini sekaligus dapat mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals; SDGs) iaitu SDG 3: Kesihatan Yang Baik Dan Kesejahteraan, SDG 15: Hidupan Atas Darat dan SDG 17: Perkongsian Untuk Matlamat.

Bagi memastikan kelangsungan habitat fauna sentiasa terpelihara, aktiviti tanggungjawab sosial korporat melalui pelbagai pihak secara sukarela yang ingin menyumbangkan tenaga dan masa mereka dalam aktiviti seperti penanaman semula pokok serta pembersihan kawasan habitat secara berterusan. Ianya perlu dijadikan satu inisiatif yang berterusan bagi memastikan habitat dan populasi fauna di negara kita sentiasa terpelihara dari semasa ke semasa sekaligus memberi kesedaran kepada semua peringkat umur masa kini tentang kebaikan dan keperluan dalam menjaga flora dan fauna untuk kegunaan generasi akan datang. Individu di setiap lapisan masyarakat perlu mempunyai kesedaran dan memainkan peranan dalam menjaga dan memastikan alam sekitar terpelihara demi generasi akan datang.